

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 21 Mac 2021 11:05 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Johan Debat Tamil Pertandingan Kavipaaduum Thendral



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 MAC 2021 / 7 SYAABAN 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: UUM SELECT

UUM JOHAN DEBAT TAMIL PERTANDINGAN KAVIPAADUUM THENDRAL



UUM ONLINE: Tahniah! Pasukan debat UUM telah dinobatkan sebagai johan Debat Tamil Pertandingan Kavipaadum Thendral (Kategori Debat) Peringkat Kebangsaan anjuran Universiti Sains Malaysia (USM), baru-baru ini.

Pasukan Unit Debat, Advokasi dan Oratori (UDAO) yang diterajui UUM Student Excellence and Leadership Centre (SELECT), Pusat Kecemerlangan dan Kepimpinan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah menghantar pasukan debat Tamil yang dianggotai Uthaya Tharishany Sures Kumar dan Shantene Subramaniam dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) serta Kothai Sunthararaju dari Pusat Pengajian Undang-undang (SOL).

Pasukan debat UUM ini telah menewaskan 16 kumpulan lain dari Matrikulasi, Universiti Awam dan kategori terbuka yang menyertai pertandingan ini dengan membawa pulang hadiah berupa tunai RM400 beserta sijil, manakala tempat kedua dan ketiga disandang Universiti Malaysia Terengganu dan tuan rumah USM.

Sementara itu, Pemangku Pengarah UUM SELECT, Muhammad Hafiz Badarulzaman Zaman berkata, “Kemenangan ini memberi impak yang besar dan sebagai pemangkin kepada pasukan debat UUM di bawah UDAO amnya, UUM khususnya dalam melangkah lebih jauh serta mencipta kejayaan ke di peringkat nasional dan antarabangsa.

“Meskipun pertandingan diadakan secara atas talian, namun ia tetap menggembirakan kerana pasukan debat UUM berjaya menjadi johan dan pada masa sama membantu menyerlahkan bakat pendebat untuk bersaing dengan peserta dari institusi pendidikan tinggi lain.

“Terima kasih kepada semua pusat pengajian terlibat dan syabas di atas usaha gigih pelajar. Ini adalah salah satu keberhasilan strategi A.R.T (Award Recipient Project). Semoga akan diteruskan untuk terus melakar kejayaan di masa akan datang,” katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.